



Pihak Berkuasa Kawalan Dadah
Drug Control Authority
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

No.Ruj.Kami: (38)dlm.BPFK/BPFK/02/5/1.3
Tarikh: 22 November 2004

Kepada semua pemegang pendaftaran dan persatuan yang berkenaan

Tuan/puan,

**RAYUAN MELANJUTKAN TEMPOH UNTUK MENGEJEMASKINIKAN MAKLUMAT/
DATA PRODUK BERDAFTAR ("PRODUCT UPDATING")**

Perkara diatas adalah dirujuk.

2. Sehubungan ini sukcita dimaklumkan bahawa rayuan tersebut telah dipertimbangkan. Tempoh untuk pemegang pendaftaran mengemaskini maklumat/data produk berdaftar kedalam sistem QUEST 2 hanya akan dilanjutkan sehingga **30 APRIL 2005**. Sila ambil perhatian bahawa tempoh lanjutan ini adalah muktamad.
3. Oleh yang demikian, bagi pemegang-pemegang pendaftaran yang masih belum lagi mendaftarkan "smartcard", adalah diperingatkan sekali lagi bahawa produk-produk yang belum dikemaskini tidak akan wujud dalam sistem QUEST 2 selepas tempoh tersebut. Mulai **1 MEI 2005**, semua urusan berkaitan pendaftaran produk akan hanya dilakukan melalui sistem QUEST 2.
4. Pihak Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) akan terus memantau perlaksanaan sistem tersebut untuk memastikan ianya berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"UTAMAKAN KUALITI, EFIKASI DAN KESELAMATAN"**

Saya yang menurut perintah,

(EISAH BINTI A. RAHMAN)
Setiausaha

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k. Pengarah Perkhidmatan Farmasi